



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 31 JANUARI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	PESAWAH TERHIMPIT KOS TINGGI TANAM PADI, NASIONAL, BH -7 PERATURAN 'MENEKAN' PETANI SAMA SEPERTI MENINDAS PERUT RAKYAT, RENCANA, UM -15 RICE SUPPLY UNDER THREAT, MUKA DEPAN, THE SUN -1 DECLINE IN PADI FARMERS THREATENS FOOD SECURITY, NATIONAL, THE SUN -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
5. 6. 7.	21 JUTA BENIH UDANG GALAH DILEPASKAN PERIKANAN, NEGARA, KOSMO -9 TEKNOLOGI BIAK DNA PATIN MUNCUNG, NEGARA, KOSMO -17 IKAN SUSU SUMBER ALTERNATIF KETERJAMINAN MAKANAN, FORUM, UM -26	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9.	AGROBANK BANTU MASJID, ASNAF JANA PENDAPATAN, KOTA BHARU, SH -30 TERNAKAN IKAN JANA PENDAPATAN MASJID, LOKAL, HM -21	AGROBANK

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pesawah terhimpit kos tinggi tanam padi

Kuala Lumpur: Penanam padi di negara ini akan terus kerugian kerana terpaksa menanggung kos tinggi bagi mengusahakan sawah jika harga lantai padi tidak dinaikkan RM1,800 bagi setiap tan seperti dituntut.


Keadaan ini mungkin menyebabkan pesawah hilang minat untuk mengusahakan tanaman padi mereka yang memerlukan kos lebih tinggi berbanding harga lantai RM1,300 bagi setiap tan yang ditetapkan kerajaan sekarang.

Susulan itu, Pengerusi Gabungan Nasionalis, Aminuddin Yahya, menggesa kerajaan mendengar rayuan yang dibangkitkan pesawah berhubung kenaikan harga lantai padi itu yang belum selesai hingga kini.

“Tidak ada logiknya pesawah terus buat tanaman padi dalam kerugian. Tambahan pula keadaan cuaca yang tidak menentu terutama di Pantai Timur dan utara yang kerap berlaku banjir, menyebabkan kerugian ditanggung mereka berkali ganda.

“Selain itu, saya dimaklumkan pesawah, ramai juga mula menjual relung atau sawah mereka kepada pihak lain kerana tidak tahan lagi menanggung beban,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Baru-baru ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia



Pesawah merayu kerajaan menaikkan harga belian padi RM1,800 satu tan bagi menampung kos mengusahakan tanaman padi. (Foto hiasan NSTP)

(PeSAWAH) membangkitkan dua isu untuk dipertimbangkan kerajaan termasuk menaikkan harga lantai padi daripada RM1,300 kepada RM1,800 per tan.

Tuntutan itu disenarai PeSAWAH melalui memorandum yang diserahkan kepada Pejabat Perdana Menteri (PMO) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), dengan satu lagi isu membabitkan bantahan terhadap Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, kerajaan perlu mengambil perhatian isu dan kegagasan menyelesaikan akan menyebabkan lebih ramai pesawah gantung tikar serta menjual tanah mereka.

“Bagi saya, ini tragedi kepada negara kerana beras makanan asasi, inilah keselamatan maknan kita. Jika industri ini tutup dan kita sekadar mengimport beras, ia sangat bahaya dari segi keselamatan negara.

“Isu ini juga memberi kesan terutama kepada orang Melayu yang kebanyakannya pesawah. Kini jumlah pesawah semakin berkurangan daripada 300,000 orang kepada hanya 200,000 orang.

ratus adalah orang tua, manakala baki 15 peratus lagi orang muda. Bagaimana mahu menarik minat golongan muda terbahit mengusahakan sawah jika isu seperti ini berlarutan sekian lama tanpa penyelesaian,” katanya.

Selain itu, beliau turut mencadangkan lesen membeli benih dan menjual beras dibuka serta tidak dihadkan kepada beberapa syarikat sahaja yang menyebabkan kan monopoli.

“Perkara ini yang menekan pesawah, mereka tidak ada kebasan untuk membuat benih, membuat kilang dan menjual beras sendiri,” katanya.

Peraturan 'menekan' petani sama seperti menindas perut rakyat

CAKNA

Oleh
Fatimah
Jambhari

“SEBAGAI-MANA diketahui, timbulnya suatu pemberontakan, bukanlah hal yang semata-mata timbul pada waktu itu. Pemberontakan biasanya adalah kerana 'bergantung terlalu penuh', sehingga tidak tertahankan lagi. Demi apabila muncul pimpinan yang berani, lalu dicetuskannya, nescaya berontak akan terjadi, walaupun misalnya kekuasaan dapat mematahkannya.” - Buya Hamka.

Petikan di atas dikarang oleh Buya Hamka ketika mengulas mengenai Pemberontakan Petani Banten 1888, yang juga digelar sebagai Geger Cilegon.

Pemberontakan itu berpunca daripada polisi yang dikeluarkan oleh kepimpinan Belanda yang memaksa petani membunuh kesemua kerbau ternak kerana tersebar penyakit wabak ketika itu. Walhal kerbau merupakan punca rezeki kepada golongan petani.

Jika difahami secara menyeluruh, sifat pemberontakan itu sememangnya didasari oleh rasa ketidakpuasan yang sudah berlaku terlalu lama sehingga tiba suatu saat, rasa tidak senang itu tidak dapat dibendung lagi. Demikian mungkin apa yang dirasakan oleh ribuan petani yang mengerjakan sawah-sawah di seluruh negara mutakhir ini.

Sejak Jun tahun lalu, pesawah merasai dan menanggung rasa tidak puas hati dengan peningkatan kos benih, baja, racun tanaman dan diesel. Peningkatan kos ini tidak mengambil kira kos sara diri yang juga sama meningkat.

Setelah ketidakpuasan ini dibendung lama, kini petani mula bangkit menuntut keadilan yang setara dengan bebanan yang mereka tanggung.

Sedangkan pada Oktober,



ANTARA pesawah yang memohon harga lantai padi dinaikkan kepada RM1,800 dan membantah Rang Undang-Undang (RUU) Kualiti Benih Tanaman di pekarangan Wisma Tani, Putrajaya pada 27 Januari, lalu. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

tahun lalu, dalam Perbahasan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 (Belanjawan 2025), Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sudah menjanjikan bantuan kepada pesawah bagi meringankan beban ekonomi mereka selaras dengan usaha kerajaan mempertingkatkan produktiviti padi tempatan, daya saing petani serta kelestarian pertanian.

Antara komitmen kerajaan termasuklah dana sebanyak RM1 billion yang disalurkan melalui Projek Penanaman Padi Lima Musim Dua Tahun di kawasan 11,000 hektar tanah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Projek ini bakal dilancarkan dalam Februari yang akan datang.

Baru-baru ini sekumpulan para petani telah berhimpun di Putrajaya bagi menyampaikan memorandum mendesak kerajaan agar menggarap dasar meletakkan harga lantai setan beras kepada RM1,800 berbanding harga semasa sebanyak RM1,300. Jika dibandingkan dengan harga beras dalam pasaran tempatan, terdapat jurang besar antara beras tempatan dan beras import,

yang mana beras tempatan secara amnya dijual dalam lingkungan RM25 bagi 10 kilogram (kg) manakala beras import boleh menjangkau melebihi RM40 bagi berat sama.

Ada pihak yang menghujahkan penetapan harga beras tempatan yang terlalu rendah membolehkan manipulasi pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mencampurkan beras tempatan dan beras import sebelum menjual semula pada harga yang ditetapkan untuk beras import. Maka wajar jika jurang harga diperkemas lagi.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) selaku penganjur perhimpunan tempoh hari turut menyatakan bahawa tujuan lain perkumpulan tersebut diadakan adalah juga bagi membantah cadangan di bawah RUU Kualiti Benih Tanaman, yang antara lain mengusulkan kawalan terhadap benih tani.

Difahamkan bahawa RUU ini akan mewajibkan setiap individu yang memproses dan mengedar benih tanaman untuk memperoleh lesen dan menghantar benih ke makmal

untuk ujian pengesanan. Sebarang kegagalan mematuhi peraturan ini boleh mengundak denda sebanyak RM100,000 dan penjara sehingga tiga tahun.

Dalam membincangkan sekatan undang-undang yang dibuat bagi mengawal benih tanaman, saya teringat filem dokumentari yang diterbitkan pada 2016 berjudul *Seeds: The Untold Story*. Antara perspektif menarik yang ditonjolkan dalam filem tersebut adalah tindakan Monsanto, syarikat agrokimia dan bioteknologi Amerika Syarikat (AS) yang melobi berbilion dolar untuk mendesak kerajaan negara itu meluluskan polisi serta undang-undang bagi mengawal penggunaan dan pengedaran benih tanaman.

Objektif Monsanto hanya satu, untuk memastikan petani kecil-kecilan tidak mampu mengekalkan daya saing dan akhirnya berhenti bertani. Sebagai natijah, syarikat Monsanto memonopoli pasaran tani di AS. Malah, sebagai syarikat yang menyediakan tanaman GMO (organisma yang diubah suai genetiknya), Monsanto memastikan tiada petani



Meskipun sekatan sebegini dilihat boleh membantu dalam mengekalkan kualiti bahan tani, namun pada masa sama, perlu difikirkan pihak mana yang mendapat keuntungan besar apabila peruntukan sebegini direalisasikan?"

yang boleh menanam semula benih yang disimpan mereka. Syarikat itu juga mengheret mereka yang cuba menentang peraturan ini ke mahkamah.

Ketika kali pertama menonton filem dokumentari tersebut, tidak terjangkau akal saya memikirkan bagaimana sebuah kerajaan yang dilantik mewakili dan memelihara hak rakyat mampu meluluskan peraturan, undang-undang dan dasar yang jelas menindas golongan petani di dalam negara itu.

Selapas dua tahun filem itu diterbitkan, pada 16 September 2018, Kementerian Pertanian mengumumkan pendrafan RUU Kualiti Benih Tanaman yang secara efektif membawa masuk peraturan serupa ke Malaysia.

Meskipun sekatan sebegini dilihat boleh membantu dalam mengekalkan kualiti bahan tani, namun pada masa sama, perlu difikirkan pihak mana yang mendapat keuntungan besar apabila peruntukan sebegini direalisasikan? Atau lebih utama lagi, pihak mana yang akan ditindas apabila peraturan ini diluluskan nanti? Siapa dalang yang mengimport masuk polisi sebegini ke dalam negara?

PENULIS ialah pengamal undang-undang, Naib Presiden II Perikatan Wanita Antarabangsa untuk Institut Keluarga & Pendidikan Berkualiti (WAFIQ) dan Ahli Jawatankuasa Pusat Gabungan Pertubuhan Masyarakat Sipil Malaysia (MACSA).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2025	THE SUN	MUKA DEPAN	1

Rice supply under threat

Shrinking padi farmer base prompts expert to call for training of next generation of growers and making industry more appealing to youth.

Reports on
page 3



The drop in the number of padi farmers affects the country's food security and jeopardises a key domestic industry. **MASRY CHEAN/THESUN**

Decline in padi farmers threatens food security

■ BY QIRANA NABILLA
MOHD RASHIDI

newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Experts have called for urgent measures to address a sharp decline in *padi* farmers, from 322,830 in 2021 to about 200,000 today, to safeguard food security in the country.

Universiti Malaya Institute of Biological Sciences agriculture expert Assoc Prof Dr Muhammad Shakin Mispan emphasised the need to train a new generation of *padi* farmers and make the industry more attractive to young people.

"The shrinking number of farmers has disrupted the industry, with those aged 40 and below making up only 10% to 20%.

"While some young farmers are stepping up, the challenge is not just attracting them but equipping them with the resources to succeed.

"Many need expert guidance to fully understand the complexities of *padi* farming," he said.

Muhammad Shakin pointed to low income as the biggest deterrent, alongside the issue of farmland

➤ Experts call for training, innovation and youth engagement to revitalise sector

ownership, which remains with the older generation.

Many elderly farmers are either unable or unwilling to continue farming, leading to a workforce shortage.

He warned that the ageing farming population poses a serious threat to the sustainability of the *padi* industry, particularly as older farmers are often reluctant to adopt modern technologies.

"Without innovation, *padi* cultivation risks lagging behind other countries in terms of efficiency and productivity, making it even harder to compete globally.

"If this problem isn't properly addressed, many *padi* fields may be poorly managed, leading to lower yields and endangering our food security," he said.

To address the issue, Muhammad Shakin suggested engaging youths through Technical

and Vocational Education and Training institutions.

"Young farmers could receive hands-on training and build networks with peers and experts.

"The goal is not just to introduce them to farming but to keep them motivated and well-equipped for the long run," he said.

UiTM Academy of SME and Entrepreneurship Development coordinator Dr Mohamad Idham Md Razak echoed these concerns, stating that the decline in *padi* farmers threatens Malaysia's ability to sustain production and undermines a key domestic industry.

He warned that the trend could lead to under-utilised farmland, lower productivity and higher production costs due to reduced economies of scale.

"In the long run, the shrinking farmer base will weaken the

agricultural sector's contribution to gross domestic product and erode our global competitiveness," he said.

Mohamad Idham also highlighted the growing risk of food insecurity, as Malaysia's declining *padi* production could increase dependence on imports, exposing the country to volatile global markets and supply chain disruptions.

"The dependency not only inflates food costs but also weakens national resilience to external shocks such as geopolitical conflicts or climate-induced production shortages in exporting countries," he said.

He added that Malaysia's current subsidies and price controls for *padi* and rice may not be sufficient to sustain the industry in the long term.

He said while such measures provide short-term financial relief to farmers, they do little to address underlying structural issues, such as low productivity, inefficient farming practices and limited technological adoption.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2025	KOSMO	NEGARA	9

21 juta benih udang galah dilepaskan Perikanan

KUANTAN – Kira-kira 21 juta ekor benih udang galah dilepaskan di perairan sungai seluruh negara khususnya di Semenanjung dalam tempoh empat tahun sebagai usaha memastikan kelangsungan udang galah.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, pelepasan benih udang galah dari 2021 hingga 2024 itu dilakukan di sungai utama negara khususnya Semenanjung.

“Di Pahang, sebanyak 1.7 juta ekor benih udang galah dilepaskan yang memberi manfaat besar kepada komuniti nelayan darat dan menyokong pemuliharaan ekosistem.

“Pahang mencatatkan jumlah tinggi kerana mempunyai sungai terpanjang di Semenanjung dan ekosistem berada dalam keadaan baik,” katanya.

Tambahnya, selain Pahang pelepasan benih udang galah melibatkan kesemua negeri lain seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Pulau Pinang.

Menurutnya, tahun lalu merekodkan jumlah pelepasan benih udang galah tertinggi iaitu sebanyak 729,000 berbanding pada 2023 (221,000) dan 2022 sebanyak 220,000 manakala pada 2021 sebanyak 134,572.



ADNAN (dua dari kiri) melepaskan benih udang galah di Sungai Belat, Kuantan semalam.

Teknologi biak DNA patin muncung

- **Elak ikan pupus, sukar ditemui**
- **Guna teknik dimiliki Planet-IUUM**

Oleh **ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN**

KUANTAN – Ikan patin muncung mungkin dapat diselamatkan daripada pupus apabila teknologi mendapatkan DNA spesies itu bakal dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk proses pembiakan.

Ia akan mencipta sejarah baru dunia apabila baka ikan yang sukar ditemui itu dibiakkan menerusi teknologi DNA di Frozen Zoo yang berada di Institute of Planetary Survival For Sustainable Well-Being UIAM (Planet-IUUM).

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain berkata, pihaknya bersedia mengadakan perbincangan lanjut dengan UIAM untuk meneroka potensi tersebut.

"Ikan patin muncung merupakan spesies yang sangat istimewa di Pahang. Kita bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk UIAM untuk kajian genetik dan pembiakan ikan terancam.



KAKITANGAN Jabatan Perikanan melepaskan benih udang galah di Kuantan semalam. Gambar kecil spesies ikan patin muncung.

"Teknologi itu boleh dijadikan kerjasama dan diperkembangkan untuk dicadangkan dalam projek khusus dalam Rancangan Malaysia Ke-13," katanya ketika ditemui pada program pelepasan benih udang galah dan sesi libat urus Ketua Pengarah Perikanan Malaysia di sini semalam.

Sebelum ini Kosmo! melaporkan Frozen Zoo mempunyai teknologi bagi menyimpan DNA dan membiakkan semula haiwan yang pupus di negara ini menggunakan ibu tumpang.

Setakat ini, ia menyimpan DNA Badak Sumatera yang telah pupus. DNA ikan patin muncung boleh didapati melalui spesies yang telah mati.

Menurut Adnan, walaupun masih ada nelayan yang dapat menangkap patin muncung tetapi bilangannya tidaklah banyak seperti dahulu.

Sehubungan itu, menjadi harapan mereka untuk mengadakan induk ikan patin muncung bagi proses pembiakan.

"Kita mengalu-alukan mana-mana pihak menghubungkan Jabatan Perikanan untuk ditutuskan jenis patin. Jika dapat jenis muncung, kita boleh berbin-cang dengan nelayan tersebut untuk membuat perolehan sekali gus menjadikannya sebagai induk," katanya.

Ikan susu sumber alternatif keterjaminan makanan

IKAN susu, atau nama saintifiknya *Chanos chanos*, merupakan spesies akuakultur yang semakin mendapat perhatian sebagai alternatif sumber ikan berkhasiat di Malaysia. Dikenali sebagai *Bangus* di Filipina dan *Bandeng* atau *Bolu* di Indonesia, ikan ini bukan sahaja digemari kerana rasa isinya yang lemak dan lembut, tetapi juga kerana kandungan nutriennya yang tinggi. Ikan susu adalah sumber protein berkualiti tinggi serta kaya dengan Vitamin A, B12, B6, B-Complex, dan Omega-3.

Nutrien-nutrien ini menjadikannya pilihan makanan yang baik untuk kesihatan, membantu mengekalkan kekuatan tulang, mengurangkan keradangan serta menyokong fungsi hati dan buah pinggang. Kandungan *astaxanthin*, yang merupakan antioksidan semula jadi dan protein yang tinggi dalam ikan susu juga memberi manfaat dalam menyokong penurunan berat badan.

Sebagai bahan masakan, ikan susu amat versatil dan boleh diolah menjadi pelbagai hidangan seperti laksa ikan susu, asam pedas, ikan salai, goreng berlada, bakar, kukus, dan pais. Dengan kelebihan ini, ikan susu berpotensi menjadi pilihan utama dalam menu rakyat Malaysia.

Statistik terkini menunjukkan pengeluaran ikan susu pada 2024 mencapai 4,204 tan metrik, dengan nilai borong sebanyak RM37.08 juta. Prestasi ini menunjukkan kesinambungan peranan ikan susu sebagai salah satu spesies yang menyumbang kepada industri perikanan negara.

Kedah terus menjadi penyumbang utama dengan pengeluaran tertinggi sebanyak 3,700 tan metrik, diikuti oleh Johor 454.97 tan metrik dan Sabah 46.51 tan metrik. Peningkatan dalam nilai pasaran juga mencerminkan potensi ikan susu untuk terus memenuhi permintaan dalam pasaran tempatan dan antarabangsa.

Ikan susu terkenal sebagai spesies yang mudah ditanak, dengan kos operasi yang

rendah kerana hanya memerlukan makanan berprotein rendah serta daya tahan penyakit yang tinggi. Sifat ini menjadikannya pilihan ekonomi yang berdaya maju untuk penternak tempatan.

Jabatan Perikanan terus menyokong industri ini dengan mempromosikan teknologi penternakan ikan susu yang cekap seperti sistem kolam dan sangkar.

Dengan kerjasama strategik antara pihak kerajaan dan swasta, pengeluaran ikan susu dijangka terus meningkat, menyumbang kepada kestabilan industri akuakultur dan memperkukuh keterjaminan makanan negara.

Selain menjadi sumber protein untuk manusia, ikan susu juga diiktiraf sebagai alternatif bahan makanan ternakan, sekali gus membantu mengurangkan kebergantungan kepada sumber import. Ini menjadikannya pilihan yang strategik dalam menyokong agenda keterjaminan makanan negara.

Jabatan Perikanan menyeru rakyat Malaysia untuk memilih ikan susu sebagai sebahagian daripada sajian harian mereka. Langkah ini bukan sahaja menyokong industri akuakultur tempatan tetapi juga mengurangkan kebergantungan kepada perikanan tangkapan, yang semakin terjejas akibat perubahan iklim dan penurunan sumber marin. Dengan manfaat kesihatan yang tinggi, kepelbagaian dalam penyediaan makanan dan potensi ekonomi yang besar, ikan susu berupaya memainkan peranan penting dalam menjamin bekalan protein negara. Sokongan rakyat terhadap ikan susu diharap dapat memperkukuh sektor akuakultur tempatan, meningkatkan kemandirian makanan serta menyumbang kepada pembangunan industri perikanan yang mampan dan berdaya saing.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Jabatan Perikanan



IKAN susu adalah sumber protein berkualiti tinggi serta kaya dengan pelbagai vitamin menjadikannya pilihan makanan yang baik untuk kesihatan, membantu mengekalkan kekuatan tulang, mengurangkan keradangan serta menyokong fungsi hati dan buah pinggang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/1/2025	SINAR HARIAN	KOTA BHARU	30

Agrobank bantu masjid, asnaf jana pendapatan

KOTA BHARU - Agrobank menjalin-kan kerjasama dengan majlis agama Islam negeri di seluruh negara bagi membantu masjid dan asnaf terpilih menjana pendapatan.

Presiden atau Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin ber-kata, ia melibatkan projek tanaman kelapa di Perlis; nanas (Terengganu) dan Pahang), fertigasi cili (Selangor) dan projek pertanian lain (Pulau Pinang).

"Kelantan menjadi perintis kepada projek ternakan ikan meng-gunakan teknologi bioflok sebelum ia diperluaskan ke seluruh negara," katanya semasa sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum itu beliau turut sama hadir pada Majlis Perasmian Rumah

Ternak Ikan An-Nisa' di mana Raja Perempuan Kelantan, Tengku Anis Tengku Abdul Hamid berkenan men-cemar duli merasmikan program tersebut.

Menurut beliau, Masjid D'Raja Tengku Aziza Tengku Hamzah dipilih sebagai lokasi pertama dengan memperkenalkan Rumah Ternak Ikan An-Nisa'.

Katanya, projek berfasa yang di-adakan sehingga Jun nanti itu turut melibatkan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik) sebagai badan yang akan memilih empat lagi masjid untuk menjalan-kan projek sama.

Menurut Tengku Ahmad Badli Shah, masjid yang terlibat selepas ini akan dipilih dari jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan

Machang. Ujarnya, program ini nanti di-harap dapat menjana pendapatan masjid pada masa yang sama mengaktifkan komuniti setempat.

Dalam perkembangan sama, Tengku Ahmad Badli Shah berkata, sebanyak 1,500 ekor ikan tilapia telah dilepaskan di dalam kolam ternakan dan ia dijangka mengambil masa tiga hingga empat bulan untuk dipasarkan.

"Kami menyasarkan pihak masjid akan menuai hasil sekitar 500 kg (kilogram) ikan.

"Teknologi bioflok merupakan inovasi yang mentransformasikan industri akuakultur melalui kaedah pengurangan pertukaran air me-nerusi adaptasi pemprosesan sisa domestik," katanya.



FOTO: BERNAMA

Tengku Anis (kiri) berkenan melepaskan anak ikan tilapia sebagai gimik perasmian Rumah Ternak Ikan An-Nisa di Masjid D'Raja Tengku Aziza, Kota Bharu pada Khamis.



TENGGU Anis berkenan melepaskan anak ikan tilapia pada perasmian Rumah Ternak Ikan An-Nisa di Masjid D'Raja Tengku Aziza, Melor, semalam.

PROJEK RUMAH TERNAK IKAN AN-NISA

Kota Bharu

Raja Perempuan Kelantan Tengku Anis Abdul Hamid berkenan merasmikan Rumah Ternak Ikan An-Nisa di Masjid D'Raja Tengku Aziza, Melor di sini, semalam.

Pada majlis itu, baginda turut berkenan melepaskan anak ikan tilapia yang berukuran antara tiga hingga empat inci sebanyak 1,000 ekor dalam kolam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Rumah Ternak Ikan An-Nisa adalah projek rintis di-

lancarkan Agrobank untuk memperkasakan pertanian bandar melalui Teknologi Bioflok untuk melakukan aktiviti perikanan.

Beliau berkata, setakat ini, Agrobank memperuntukkan RM80,000 bagi projek itu dan bercadang untuk memperluaskan pelaksanaannya ke empat masjid lagi di negeri ini,

iaitu di jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan Machang sebelum ia diperluas ke seluruh masjid.

"Dalam masa tiga hingga empat bulan, pihak masjid mampu menuai hasil ternakan sehingga mencecah 500 kilogram"

Ahmad Badli Shah

di seluruh negara. "Empat lagi masjid belum diputuskan dan ia akan dibina bersama-

ma Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Mak). Setiap masjid akan menerima peruntukan sehingga RM15,000 untuk melaksanakan pen-ternakan ikan ini," katanya. Pada majlis perasmian Rumah Ternak Ikan An-Nisa di Masjid D'Raja Tengku Aziza, Melor di sini, Ahmad Badli Shah ber-

kata, Teknologi Bioflok adalah inovasi yang mentransformasikan industri akuakultur melalui kaedah pengurangan pertukaran air, menerusi adaptasi pemprosesan sisa domestik. "Menerusi projek ini, ia memberi peluang kepada pihak masjid untuk menjana pendapatan melalui aktiviti pertanian bandar khususnya dalam bidang perikanan.

"Dalam masa tiga hingga empat bulan, pihak masjid mampu menuai hasil ternakan sehingga mencecah 500 kilogram," katanya.

Menurutnya, usaha ini secara tidak langsung boleh memberi pendapatan kepada masjid, sekali gus mengimarahkan silaturahim antara karib.